

18/10/2003

Ketua negara sokong pandangan Dr Mahathir

reports on "Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003" PUTRAJAYA: Ketua-ketua negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) semalam menyifatkan media Barat sengaja memutarbelitkan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kononnya berbau anti-Semitik, sedangkan ia bukan bermaksud sedemikian.

Mereka berpendapat, media Barat memang mempunyai agenda tersembunyi untuk mengalih perhatian dunia mengenai pendirian sebenar dunia Islam berhubung isu membabitkan ummah yang bakal diputuskan dalam sidang kemuncak kali ini.

Malah, mereka menyokong penuh pandangan Perdana Menteri melalui ucapan itu kerana ia mendedahkan realiti sebenar dunia dan umat Islam serta cabaran yang mereka hadapi.

Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami, membidas media Barat sebagai jentera propaganda kerajaan tertentu dan konsep anti-Semitik adalah rekaan Yahudi untuk membalas dendam selepas mangsa kekejaman kerajaan Eropah.

"Yahudi kini membalas dendam atas kekejaman lalu dengan menindas umat dan negara Islam dengan dakwaan anti-Semitik. Umat Islam kini sengsara dan menjadi mangsa kepada tuduhan anti-Semitik.

"Ucapan Dr Mahathir sebenarnya mengagumkan dan logikal. Kami menyokong ucapan dan pandangan beliau sepenuhnya. Itu adalah realiti yang dihadapi dunia Islam," katanya pada sidang media di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam.

Media asing dalam laporannya mengenai sidang kemuncak ke-10 OIC mendakwa dan memutarbelitkan ucapan Dr Mahathir sebagai pandangan berbahaya yang kononnya dapat mencetuskan keganasan dan kebencian perkauman.

Akibat laporan yang diputarbelitkan itu, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Jerman dan Australia serta media Barat termasuk CNN mendapatkan reaksi yang mengecam Dr Mahathir.

Herald Sun (Australia) misalnya mendakwa ucapan Dr Mahathir itu sebagai satu gesaan ke atas umat Islam untuk melancarkan serangan terhadap Yahudi.

Malah, laporan itu yang turut menyamakan Dr Mahathir dengan Osama bin Laden, menyebut: "Lebih cepat beliau (Dr Mahathir) beredar dari arena politik, adalah lebih baik bagi rantau dan dunia ini."

Presiden Pakistan, Pervez Musharraf pula berkata, apa yang dimaksudkan Dr Mahathir bukannya mengajak umat Islam melancarkan serangan terhadap Yahudi.

"Beliau tidak melakukan itu. Beliau bukan mengajak umat Islam pergi berperang. Apa yang beliau tekankan dalam ucapannya ialah bagaimana umat Islam boleh mencapai kemenangan tanpa perlu berperang.

"Saya tidak mahu mengulas lanjut pandangan beliau. Beliau seorang pemimpin yang hebat dan telah banyak berjasa bukan saja kepada negaranya tetapi Islam secara keseluruhan.

"Tapi saya pasti... benar-benar pasti, Dr Mahathir tidak mengajak melancarkan perang terhadap Yahudi," katanya.

Sementara itu, Ketua Biro Politik, Pertubuhan Pembebasan Palestin, Farouk Kaddoumi, berkata ucapan Dr Mahathir tidak langsung mempunyai unsur diskriminasi antara manusia tetapi menyatakan realiti.

"Ia adalah satu ucapan yang hebat kerana beliau menggariskan strategi bagi umat Islam untuk melindungi kepentingan mereka. Semua dakwaan (Barat) itu adalah penipuan besar.

"Mereka yang menakluk dan membunuh orang Islam, mereka pula menuduh kita sebagai anti Semitik dan penganas. Keganasan adalah amalan Israel.

"Apa yang umat Islam perlu lakukan ialah menghentikan serangan bom berani mati," katanya kepada pemberita sambil menambah umat Islam perlu mengambil langkah berani jika mahu menjadi ummah yang kuat dan dihormati masyarakat lain.

Presiden Somalia Abdikassim Salad Hassan berkata, ucapan Perdana Menteri tidak menunjukkan beliau cuba menghasut negara Islam supaya berperang dengan Yahudi.

"Apa yang dinyatakan adalah kita perlu bersatu, menghadapi ancaman daripada segala anasir termasuk Yahudi. Dr Mahathir menyeru kepada perpaduan dan langsung tidak berkaitan dengan seruan melancarkan serangan.

"Kami amat setuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa umat Islam perlu bersatu. Perpaduan Islam adalah untuk kebaikan agama ini dan agama lain juga tidak kira sama ada Kristian atau Yahudi," katanya.

Menteri Luar Bangladesh, M Morshed Khan, berkata beliau tidak mengesan sebarang rujukan atau kenyataan yang membawa maksud Perdana Menteri menghasut negara OIC untuk melancarkan perang.

"Saya tidak nampak sebarang petanda itu dalam ucapan Dr Mahathir. Kita berbincang mengenai harmoni, dialog dalam ummah dan bukannya kontroversi selain perpaduan serta persahabatan dengan tidak kira agama atau kaum.

"Saya tidak tahu nak cakap apa-apa. Mereka (media Barat) membuat jenaka paling hebat alaf ini. Yang penting, persidangan ini sepakat menyokong kenyataan Dr Mahathir bahawa kita perlu hidup harmoni dan bukannya menerusi keganasan," katanya.

Presiden Yaman, Ali Abdullah Salih menyifatkan Dr Mahathir mencerminkan kematangan beliau menyelesaikan kemelut umat Islam.

"Dr Mahathir berani mengetengahkan idea bernas bagi membangun dan memajukan umat Islam serta memperkatakan sesuatu yang benar, terutama membabitkan sikap tidak jujur Israel terhadap rakyat Palestin," katanya.

Menteri Luar Yaman, Abu Bakar Qurbi berkata, beliau tidak fikir yang ucapan itu anti Yahudi kerana Dr Mahathir hanya menyatakan hakikat yang sedang dihadapi dunia Islam.

"Saya menyokong ucapan beliau 100 peratus... beliau mahu dunia Islam menjalankan tanggungjawab terhadap rakyat mereka," katanya.

Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Jaber Al-Sabah pula berkata, beliau tidak melihat ucapan Dr Mahathir sebagai anti Yahudi kerana itu bukan amalannya sebagai pemimpin Islam.

Presiden Afghanistan Hamid Karzai berkata, analisis Dr Mahathir mengenai sejarah Islam amat tepat dan betul.

Menteri Luar Bahrain, Syeikh Mohamad Al-Khalifa yang turut menolak dakwaan Barat terhadap Dr Mahathir berkata, Perdana Menteri hanya menjelaskan realiti dunia.